

Headline **Benteng jeti perlu dibaiki segera**
Date **07 Aug 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Selangor & KL**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **1,430**

Language **Malay**
Page No **S20**
Article Size **260 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **4,290**



Benteng jeti perlu dibaiki segera

KAMPUNG DATUK HORMAT – Jeti memancing di Kampung Datuk Hormat (KDH) yang dibina atas inisiatif sendiri nelayan di sini sejak dua tahun lalu melalui sumbangan peruntukan daripada wakil rakyat perlu diberikan perhatian segera apabila benteng di jeti berkenaan semakin terhakis.

Sinar Harian difahamkan, jeti berkenaan bukan sahaja diguna pakai sebagai laluan untuk turun ke laut dan kaki pancing yang datang dari dalam dan luar daerah malah menjadi lokasi riadah belia dan penduduk setempat setiap hujung minggu.

Lebih membimbangkan, jika masalah hakisan benteng ini tidak ditangani se-

gera, KDH mungkin akan kehilangan satu-satunya kawasan rekreasi dan penduduk mahu pihak berwajib tampil membantu sebelum kejadian tidak diinginkan berlaku.

Pengerusi Kelab Nelayan Muda Kampung Datuk Hormat, Mohd Hanif Sufni berkata, hakisan demi hakisan sejak dibina menyebabkan laluan ke jeti akan terputus dan tidak selamat untuk sesiapa sahaja yang mahu menggunakan jeti tersebut.

Menurutnya, tiang jeti hampir terpisah dengan benteng dan boleh terputus pada bila-bila masa jika hakisan terus berlaku kerana apabila berlaku air pasang, hakisan bertambah



teruk sekali gus mempercepatkan masalah hakisan.

"FRIM sudah datang dan melihat sendiri keadaan ini serta bersetuju untuk menanam pokok api-api atau bakau di kawasan ini.

"Namun untuk memastikan pokok tersebut berfungsi sebagai penahan



ombak, kami perlu menunggu masa sehingga tujuh hingga lapan tahun.

"Oleh itu, kita berharap pihak berkenaan dapat

juga turun padang melihat apa yang boleh dibantu seterusnya membantu menyelesaikan masalah ini dan kita cadangkan untuk

ditanam cerucuk atau batu sangkar sebagai langkah sementara mengelakkan dari terus berlakunya hakisan," katanya.